



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK WAN ABDULLAH B. HAMZAH
YANG DI-PERTUA PERTUBUHAN SILAT SENI GAYONG MALAYSIA,
KELANTAN**

OLEH:

**UMAR 'AZRI B. LUKMAN 2013972535
MOHD AMIN B. MOHD IDRUS 2013997295**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK WAN ABDULLAH B. HAMZAH
YANG DI-PERTUA PERTUBUHAN SILAT SENI GAYONG MALAYSIA,
KELANTAN**

OLEH:

**UMAR 'AZRI B. LUKMAN 2013972535
MOHD AMIN B. MOHD IDRUS 2013997295**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. terlebihdahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Tidak dinafikan, berbagai kekangan yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran kami dan pertolongan-Nya, kami dapat atasi masalah yang melanda.

Jutaan terima kasih kami tujukan kepada pensyarah kami untuk subjek IMR 603 – Oral History (Sejarah Lisan), Puan NurulAnnisa yang telah memberikan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk meyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga lagi sekali di atas dorongan beliau dan kami amat menghargainya.

Encik Wan Abdullah B. Hamzah, tokoh yang kami hormati dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan kerana kerjasama yang beliau berikan. Kami tidak mungkin akan dapat menghasilkan transkrip yang sebegini lengkap dan bernilai ini tanpa bantuannya.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung, ibubapa serta rakan-rakan seperjuangan yang memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar kepada kami di dalam menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian1: Latar Belakang Tokoh.....	01
Bahagian2: Bidang Kejurulatihan.....	15
Bahagian3: Sebagai YDP.....	21
Bahagian4: Pendapat.....	28
Lampiran	
Log Wawancara.....	42
Kronologi.....	45
Senarai soalan.....	47
Surat Perjanjian.....	51
Indeks.....	52

ABSTRAK

ABSTRAK

Transkrip Temubual Bersama Encik Wan Abdullah B. Hamzah Mengenai Pembabitan Beliau Dalam Bidang Persilatan

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Wan Abdullah B. Hamzah, Yang Di-Pertua Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia cawangan Kelantan mengenai latar belakang silat nya. Transkrip temubual ini telah dilakukan di rumah Encik Wan Abdullah B. Hamzah sendiri yang bertempat di Kusial Baru, Tanah Merah, Kelantan Darul Naim pada 5 Jun 2015 pada pukul 11 pagi. Beliau yang lebih dikenali sebagai Tok Ayah Lah sangat dikenali oleh pencinta-pencinta dan pengamal seni mempertahankan diri silat terutamanya Silat Gayong. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau, dan selain itu melalui transkrip ini turut menyentuh tentang sejarah silat beliau, pengalaman beliau ketika mempelajari ilmu persilatan, tugas dan pengalaman beliau sebagai Yang Di-Pertua Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia cawangan Kelantan. Selain itu, transkrip ini turut mengupas tentang beberapa pendapat beliau tentang dunia seni silat pada zaman sekarang ini.*

Kata Kunci: *En Wan Abdullah B. Hamzah, Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia, Silat, Yang Di-Pertua,*

Biodata Tokoh



Nama : Wan Abdullah B. Hamzah

Umur : 62 tahun

Tarikh lahir : 5 Januari 1954

Tempat lahir : Kampung Gaung, Betar Hilir, Kota Bharu Kelantan.

Pekerjaan : Pesara guru, Guru silat

Bidang : Persilatan

Isteri : Zainul Bt. Salleh

Tarikh kawin : 22 Oktober 1997

Bil. Anak : 7 orang

Pengenalan

Transkrip temubual bersama Encik Wan Abdullah B. Hamzah ini telah dijalankan pada 5 Jun 2015 bertempat di kediaman beliau sendiri yang terletak di Kampung Kusial Baru, Tanah Merah, Kelantan. Tujuan temubual ini dijalankan adalah mengenai pengalaman dan pembabitan beliau dalam bidang seni persilatan.

Encik Wan Abdullah B. Hamzah atau lebih dikenali dengan nama Tok Ayah Lah dikalangan anak-anak Gayong telah dilahirkan di Kampung Betar Hilir, Kota Bharu, Kelantan pada tarikh 5 Januari 1964. Beliau merupakan anak bongsu daripada enam orang adik beradik di sebelah bapa dan merupakan anak yang ketiga daripada 5 orang adik-beradik di sebelah ibu. Beliau mempunyai tujuh 3 orang anak lelaki dan 4 orang anak perempuan dari hasil perkahwinan bersama bekas isteri beliau dengan Zainul Binti Salleh.

Transkrip temubual ini dijalankan selama satu jam lima minit, penumpuan temubual ini lebih menjurus kepada pengalaman beliau dalam Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia ini, walaupun usia beliau mencecah 62 tahun, beliau masih aktif dalam dunia persilatan sehingga ke hari ini.

Beliau mendapat pendidikan awal Sekolah Rendah Tebing Tinggi di Tanah Merah dan kemudian menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Dato' Mahmud Paduka Raja dan melanjutkan pula pelajaran beliau ke Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, beliau mula mempelajari ilmu persilatan ketika belajar di Maktab Perguruan Sultan Idris bersama rakan baik beliau Arwah Cikgu Mansor B. Othman.

Dalam transkrip ini juga, kami turut menyentuh sedikit sebanyak pengalaman beliau ketika menjadi guru di sekolah-sekolah yang pernah beliau berkhidmat. Sekolah yang pertama beliau berkhidmat setelah keluar dari Maktab Perguruan Sultan Idris ialah Sekolah Kebangsaan Kecur Tui Kuala Lipis Pahang, sekolah yang kedua Sekolah Kebangsaan Dusai Ulu Tembeling Jerantut Pahang, sekolah yang ketiga Sekolah Kebangsaan Damak Jerantut Pahang, sekolah yang keempat Sekolah Kebangsaan Lktp Sungai Redang Jerantut Pahang, sekolah yang keenam Sekolah Kebangsaan Alor Pasir Tanah Merah Kelantan, yang ketujuh Sekolah Kebangsaan Chalir Gua Musang Kelantan, sekolah yang kelapan Sekolah

Kebangsaan Ipoh Tanah Merah Kelantan, yang kesembilan Sekolah Kebangsaan Kuala Balah Jeli Kelantan, dan yang akhir sekali Sekolah Kebangsaan Tebing Tinggi Tanah Merah Kelantan.

Hingga kini beliau masih lagi memegang jawatan Yang Di-Pertua Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia Kelantan, tetapi sudah tidak mengajar silat lagi kerana sudah tua dan membiarkan anak-anak beliau dan murid-murid beliau untuk meneruskan legasi beliau sebagai gurulatih Silat Gayong. Pesanan beliau kepada anak-anak Gayong di seluruh Malaysia adalah supaya mengikut segala apa yang disuruh oleh Allah, dan meninggalkan segala apa yang ditegah.

TRANSKRIP

TRANSKRIP**RAKAMAN 1**

Umar: Assalammualaikum, nama saya Umar Azri bin Lukman dan hari ini saya akan menemubual En. Wan Abdullah bin Hamzah bagi memenuhi kehendak assignment oral documentation. Okay Assalammualaikum Encik.

EN. Abdullah: Waalaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh.

Umar: Okay sebelum itu boleh Encik bagikan nama penuh?

EN. Abdullah: Nama penuh saya Wan Abdullah bin Hamzah.

Umar: Okay atau boleh dikenali sebagai, lebih dikenali sebagai?

EN. Abdullah: Bagi murid-murid saya dia, mereka memanggil saya Tok Ayah, Tok Ayah Lah.

Umar: Okay Tok Ayah Lah, saya panggil Tok Ayah Lah ya?

EN. Abdullah: Okay.

Umar: Bila tarikh lahir Tok Ayah Lah?

EN. Abdullah: Tarikh lahir saya lima [5] haribulan satu [1] tahun 1954.

Umar: Bermakna sekarang ini umur?

EN. Abdullah: Enam puluh dua [62] tahun.

Umar: Tok Ayah Lah asal dari mana?

EN. Abdullah: Asal daripada Kampung Gaung , Betar Hilir Kota Bharu Kelantan.

Umar: Berapa bilangan adik-beradik Tok Ayah Lah?

EN. Abdullah: Adik-beradik itu yang, agak ramai juga la. Yang sebelah ibu ada lima orang, sebelah ayah ada enam.

Umar: Jadi Tok Ayah Lah ini anak yang ke berapa?

EN. Abdullah: Dari sebelah ibu anak yang tengah, anak yang ketiga. Sebelah bapak anak bongsu.

Umar: Okay mengenai ayah dan ibu Tok Ayah Lah bekerja sebagai apa?

EN. Abdullah: Apa ini, orang tua kami bekerja sebagai petani sahaja.

Umar: Nama isteri Tok Ayah Lah?

EN. Abdullah: Nama isteri saya Zainul binti Salleh.

Umar: Bila berkahwin?

EN. Abdullah: dua puluh dua [22] haribulan sepuluh [10] tahun 1997.

Umar: Bilangan anak berapa?

EN. Abdullah: Bilangan anak setakat ini tujuh orang sahaja. (ketawa)

Umar: Tujuh orang sahaja. Boleh sebutkan nama-nama anak Tok Ayah Lah?

EN. Abdullah: Nama anak yang sulong Wan Ilyani binti Wan Abdullah, yang nombor dua Wan Mohd Izuan bin Wan Abdullah, yang ketiga Wan Suzaila binti Wan Abdullah, yang keempat Wan Mohd Amaluddin bin Wan Abdullah, yang kelima Wan Mohd Tarmizi bin Wan Abdullah, yang keenam Wan Noraziyan binti Wan Abdullah, dan yang ketujuh Wan Norazwa binti Wan Abdullah.

Umar: Okay, maknanya Tok Ayah Lah sudah ada cucu?

EN. Abdullah: Haa, setakat ini cucu saya ada Sembilan orang.

Umar: Ohh sembilan ore. Kalau tanya nama ingat tidak?

EN. Abdullah: Nama tidak ingat.

Umar: Tidak ingat, tidak ingat takpe la.

EN. Abdullah: Tidak duduk bersama.

Umar: Lepas itu mengenai latar belakang pendidikan. Tok Ayah Lah bersekolah rendah dimana?

EN. Abdullah: Saya bersekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Tebing Tinggi Tanah Merah, sekolah menengah di Sekolah Menengah Datuk Mahmud Paduka Raja Tanah Merah, kemudian melanjutkan pelajaran ke Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim.

Umar: Maknanya Tok Ayah Lah bekerja sebagai guru la sebelum ini?

EN. Abdullah: Sebelum ini saya bekerja sebagai guru.

Umar: Berapa tahun Tok Ayah Lah bekerja sebagai guru?

EN. Abdullah: Lebih kurang dalam tiga puluh tujuh tahun.

Umar: Oh tiga puluh tujuh tahun. Sekolah-sekolah yang pernah Tok Ayah Lah.

EN. Abdullah: Mengajar?

Umar: Ya mengajar.

EN. Abdullah: Sekolah yang mula-mula sekali saya mengajar ialah Sekolah Kebangsaan Kejur Tui Kuala Lipis Pahang, sekolah yang kedua Sekolah Kebangsaan Dusai Ulu Tembeling Jerantut Pahang, sekolah yang ketiga Sekolah Kebangsaan Damak Jerantut Pahang, sekolah yang keempat Sekolah Kebangsaan Lktp Sungai Redang Jerantut Pahang, sekolah yang keenam Sekolah Kebangsaan Alor Pasir Tanah Merah Kelantan, yang ketujuh Sekolah Kebangsaan Chalir Gua Musang Kelantan, sekolah yang kelapan Sekolah Kebangsaan Ipoh Tanah Merah Kelantan, yang kesembilan Sekolah Kebangsaan Kuala Balah Jeli Kelantan, dan yang akhir sekali Sekolah Kebangsaan Tebing Tinggi Tanah Merah Kelantan, iaitu sekolah yang saya mula-mula belajar pada sekolah rendah.

Umar: Rendah. Maknanya sekarang ini Tok Ayah Lah sudah pencen la?

EN. Abdullah: Ha sudah pencen.

Umar: Bila Tok Ayah Lah pencen?

EN. Abdullah: Saya mula pencen pada lima belas [15] haribulan satu [1] tahun 2014.

Umar: Okay masa mengajar Tok Ayah Lah mengajar subjek apa?

EN. Abdullah: Semua subjek itu saya mengajar. Semasa di Sekolah Kebangsaan Kejuruteraan Kuala Lipis, semua mata pelajaran itu saya mengajar sebab disekolah itu murid hanya lima puluh tujuh orang dan guru hanya empat orang. **(ketawa)** Jadi saya terpaksa mengajarlah, agama islam saya mengajar, bahasa inggeris saya mengajar dan disekolah kebangsaan apa ini Dusai Ulu Tembeling pun sama, sama macam itu juga, bilangan murid pun berkurang, guru pun sama-sama empat orang. Kemudian bila saya bertukar ke Sekolah Kebangsaan Damak disitu sekolah agak besar sedikit la pada masa itu. Pada masa itu di Sekolah Damak itu mempunyai murid lebih daripada lima ratus orang dan disitu saya tidak mengajar la agama islam, bahasa inggeris itu.

Umar: Maknanya subjek core (utama) apa ini subjek utama Tok Ayah Lah apa?

EN. Abdullah: Subjek utama Bahasa Malaysia dan sains.

Umar: Masa mengajar itu ada jawatan tidak disekolah itu. Guru besar?

EN. Abdullah: Pada tahun pertama saya mengajar iaitu pada tahun Sembilan belas tujuh puluh lima, guru besar telah memberi kepercayaan kepada saya sebagai penolong dia, membantu dia menguruskan hal sekolah la. Masa itu tidak ada lagi jawatan penolong kanan apa semua ini tiada, cuma guru kanan sahaja, kemudian di Sekolah Kebangsaan Damak saya sebagai guru biasa Sekolah Lktp Sungai Redang guru biasa, bila ditukarkan balik ke Kelantan saya dilantik sebagai guru kanan di Sekolah Kebangsaan Alur Pasir, selepas itu bila ditukarkan ke apa ini Calir Gua Musang juga saya sebagai guru kanan, kemudian selepas saya melanjutkan pelajaran di IFDA saya balik bila habis belajar itu di IFDA itu saya dilantik sebagai penolong kanan pentadbiran di Sekolah Kebangsaan Kuala Balah. Daripada Kuala Balah itu, selepas empat tahun berkhidmat disana saya ditukarkan ke Sekolah Kebangsaan Tebing Tinggi sebagai penolong kanan pentadbiran, sehinggalah saya pencen pada satu satu dua ribu empat belas (2014).

Umar: Maknanya Tok Ayah Lah Pencen sebagai guru kanan?

EN. Abdullah: Penolong kanan pentadbiran ataupun dipanggil juga penolong kanan satu[1]

Umar: Okay lepas itu kita masuk pada latar belakang silat pula. Bilakah Tok Ayah Lah mula mempelajari ilmu persilatan ini?

EN. Abdullah: Saya mula belajar ilmu persilatan yang namanya pada masa itu Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia dan Serantau, yang mana arwah Dato Meor Abdul Rahman bin Daeng Uda Hashim memandikan saya dan kawan-kawan saya pada tahun 1973 semata, semasa itu saya berumur Sembilan belas [19] tahun.

Umar: Maksudnya tempat Tok Ayah Lah mula-mula belajar silat?

EN. Abdullah: Tempat mula-mula belajar silat ialah di Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim. Kemudian saya melanjutkan pelajaran silat ke Dewan Belia Kampung Pandan Kuala Lumpur. Daripada itu saya telah dianugerahkan sebagai jurulatih, kemudian bila saya keluar maktab saya bertugas di Pahang. Semasa di Pahang saya dilantik sebagai pengerusi jurulatih silat negeri Pahang pada tahun 1975, sehingga tahun 1980.

Umar: Siapa yang mendorong Tok Ayah Lah untuk bersilat ini?

EN. Abdullah: Yang mendorong saya masuk silat ialah rakan karib saya, arwah cikgu Mansor bin Osman ataupun dikenali juga sebagai Tok Ayah Sor. Jadi semasa itu kami sama-sama belajar di Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim la. Jadi beliau telah mendedi apa ini, membimbing saya dan mengajak saya mempelajari macam-macam ilmu seni mempertahankan diri.

Umar: Maknanya Tok Ayah Lah bukan sekadar belajar silat gayong, ke ada silat lain tidak selain silat gayong?

EN. Abdullah: Selain daripada silat gayong saya juga pada tahun 1975 dahulu mengajar silat Seru yang dinamakan, dinamakan dengan Mufardiah pada masa itu.

Umar: Boleh cerita sedikit.

EN. Abdullah: Jadi disitu saya pegang dua gelanggang satu silat biasa ini, silat seni gayong Malaysia kemudian silat seru itu diamalkan ilmu-ilmu yang terdapat dalam Al-Quran la. (NOISE)

Umar: Okay maknanya ilmu kebatinan lebih kurang begitu la?

EN. Abdullah: Lebih kurang begitu la.

Umar: Kenapa Tok Ayah Lah semasa mula-mula memilih silat, memilih silat gayong?

EN. Abdullah: Sebab masa itu hanya silat gayong, silat seni gayong Malaysia sahaja yang mashur dan dia berada boleh dikatakan silat seni gayong ini ada di setiap negeri di semenanjung Malaysia ini.

Umar: Dan kenapa Tok Ayah Lah pilih silat berbanding dengan seni pertahankan lain, teakwando.

EN. Abdullah: Sebabnya saya memilih silat itu kerana itu anjuran Rasulullah SAW, kerana Rasulullah mengiktiraf hanya seni mempertahankan diri sebagai sukan apa ini menunggang kuda, berenang, dan memanah yang diajar senjata itu. Jadi saya tidak suka perkara-perkara yang dianjurkan oleh orang yang bukan islam.

Umar: Lepas itu untuk, adakah keluarga Tok Ayah Lah juga mempunyai latar belakang silat?

EN. Abdullah: Datuk nenek moyang saya ada juga yang berminat dengan seni mempertahankan diri ini dan datuk saya adalah salah seorang daripada askar Tok Janggut, pahlawan Kelantan.

Umar: Berapakah, berapa lamakah masa Tok Ayah Lah ambil untuk habis mempelajari silat gayong ini?

EN. Abdullah: Saya mempelajari silat gayong bermula tahun Sembilan belas tujuh puluh tiga (1973) hinggalah sekarang pun masih belum habis lagi walaupun saya telah memegang tali pinggang hitam lima den tapi ilmu gayong ni masih tidak habis-habis sebab dia salah satu silat yang mempunyai banyak pelajaran dia. Daripada tangan kosong hinggalah kepada bermacam-macam jenis senjata.

Umar: Boleh Tok Ayah Lah bagitahu siapa guru-guru yang pernah mengajar Tok Ayah Lah?

EN. Abdullah: Guru saya yang mula-mula mengajar saya ialah cikgu Isa. Cikgu Isa dua orang nama Isa jadi kami panggil dia satu cikgu Isa besar, satu cikgu Isa kecil. Jadi mereka berdualah yang mula-mula mengajar saya semasa di Maktab. Kemudian selepas daripada itu, cikgu Mukhti menyertai juga silat ini sebagai tenaga pengajar kami.

Umar: Okay maknanya Allahyarham Dato Meor ini bukan guru Tok Ayah Lah la, dia hanya memandikan apa ini.

EN. Abdullah: Arwah Dato Meor Rahman bin Uda Hashim juga guru saya sebab semasa cuti kami semua akan ke rumah arwah Dato ini di Air Kuning Taiping, dan disana kami berlatih siang dan malam. Arwah Dato ini seorang yang garang dan tegas. Bila dia suruh berlatih, pukul berapa dia tidak kisah. Dia mengajar itu cukup-cukup kasar, tidak berbanding dengan sekarang ini, kalau kita mengajar kasar sedikit murid lari lah, dia tiada dia tidak kisah, orang nak lari lari, kalau nak belajar teruskan belajar.

Umar: Boleh cerita lebih lanjut tak pasal keperibadian Dato Meor ini masa mengajar.

EN. Abdullah: Setahu saya Dato Meor ini seorang yang tegas dan berani. Dia telah berpesan kepada saya, tolong kembangkan ilmu gayong ini hingga ke akhir hayat. Sebab itu saya apa ini, masih berkecimpung walaupun saya sudah berumur enam puluh dua tahun.

Umar: Maknanya adakah Tok Ayah Lah juga merupakan rakan seperguruan Dato Abdul Majid dan cikgu Awang.

EN. Abdullah: Saya adalah murid kepada Dato Abdul Majid dan cikgu Awang. Mereka berdua adalah guru yang paling rapat dengan saya, dan dia tidak segan-segan kalau nak belasah saya dia belasah, kemudian kalau sakit dia ubatkan. **(ketawa)** Diantara guru-guru gayong di seluruh Malaysia ini, apa yang saya tahu cikgu Majid dan cikgu Awang adalah orang yang paling kanan dalam Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia dan Serantau.

Umar: Maknanya adakah Dato Abdul Majid dan Cikgu Awang itu mengajar Tok Ayah Lah pada masa yang sama atau

EN. Abdullah: Ya, masa yang sama. Mereka mengajar saya sebab di Kedah kita ada gelanggang rasmi negeri **(batuk)** jadi gelanggang rasmi negeri itu dibuat dihadapan rumah

cikgu Majid, gelanggang itu di apa ini dibuat oleh kerajaan negeri Kedah. Disitulah tempat kami semua berlatih setiap cuti penggal.

Umar: Okay seperti Tok Ayah Lah kata tadi Allahyarham Dato Meor seorang yang tegas, bagaimana pula dengan Dato Abdul Majid dengan cikgu Awang.

EN. Abdullah: Sama sahaja. Semua gurulatih-gurulatih silat gayong masa itu terdiri daripada orang-orang yang tegas dan berani. Jadi guru gayong yang saya kenal start **(bermula)** daripada Kedah, Perak, Selangor, Melaka, Singapore yang saya pernah belajar itu, semuanya tegas.

Umar: Okay, boleh bagi tahu tidak macam mana latihan masa Tok Ayah Lah belajar dulu dengan Dato Meor, dengan Dato Abdul Majid?

EN. Abdullah: Latihan kami tidak kira masa. Kami berhenti sembahyang zohor, kemudian rehat sekejap, pukul tiga kami mulakan latihan, masuk asar kami berhenti, berhenti berlatih selepas asar berlatih lagi, sampai maghrib berhenti **(ketawa)** lepas isyak terus berlatih sampai pukul sebelas malam.

Umar: Maknanya seharian la berlatih?

EN. Abdullah: Ha seharian.

Umar: Pastu boleh Tok Ayah Lah crita bengkung-bengkung yang Telah Tok Ayah Lah terima?

EN. Abdullah: Bengkung-bengkung mula-mula sekali kosong, tali pinggang kosong itu, jadi kemudian kami diuji, diuji pada tali pinggang putih, lepas itu diuji lagi hijau lepas hijau diuji lagi untuk memiliki tali pinggang merah, lepas tali pinggang merah tali pinggang kuning, dan lepas kuning hitam.

Umar: Maknanya sekarang ini Tok Ayah Lah bengkung hitam?

EN. Abdullah: Ha ya. Sekarang ini saya memegang tali pinggang hitam calit lima.

Umar: Calit lima, okay. Pernahkah Tok Ayah Lah memasuki apa-apa pertandingan silat?

EN. Abdullah: Tidak, sebab saya berpegang kepada ajaran guru saya, dia cukup-cukup larang muridnya mendabik dada dan bermegah-megah dengan ilmu yang diajari. Mereka tidak rela saya memperagakan diri dan belagak sebagai wira ataupun sebagainya.

Umar: Maknanya kalau tidak pernah buat, masuk pertandingan, Tok Ayah Lah pernah buat persembahan?

EN. Abdullah: Persembahan itu memang ada la.

Umar: Maknanya apa majlis yang paling besar Tok Ayah Lah ingat untuk persembahan silat ini?

EN. Abdullah: Majlis itu biasanya majlis yang dianjurkan di sekolah-sekolah.

Umar: Disekolah-sekolah la.

EN. Abdullah: Ha

Umar: Jadi pengalaman manis yang Tok Ayah Lah dapat ketika belajar ilmu persilatan ini. Kenangan paling manis bagi Tok Ayah Lah. Tok Ayah Lah rasa la?

EN. Abdullah: Yang manis itu saya rasa sebab saya boleh bergaul dengan seluruh masyarakat beragama islam diseluruh dunia. Dan sekarang ini silat kita telah pun diajar kepada orang-orang inggeris yang beragama islam samada di Britain, Amerika, ataupun Perancis. Kita telah berkembang disana dan tahun lepas kita adakan perjumpaan seluruh ahli-ahli silat seni gayong Malaysia dunia yang kita buat di Negeri Sembilan.

Umar: Tahun lepas?

EN. Abdullah: Ha tahun lepas.

Umar: Tok Ayah Lah menghadiri program itu?

EN. Abdullah: Ya saya menghadiri sebagai wakil daripada negeri Kelantan. Saya bersama murid-murid gayong seramai dua buah bas pergi, dan pimpinan Kelantan saya, cikgu Ibrahim Yasor, dan cikgu Razani Hassan yang menjadi ketua la rombongan itu. Dan rombongan itu telah ditaja oleh Dato Ir Shaari.

Umar: Ow. Ir Shaari.

EN. Abdullah: Ha kerana dia itu murid gayong jadi kebetulan dia orang berada sedikit, dan semangat gayong dia itu tidak putus, tidak patah-patah sampai hari ini.

Umar: Okay tadi mengenai pengalaman manis, bagaimana pula dengan pengalaman pahit dalam belajar silat, ketika belajar silat.

EN. Abdullah: Pengalaman pahit itu saya rasa tidak ada, cuma bila (**ketawa**) kita terima tekanan-tekanan itu memang ada terasa sedikit la. Sebab arwah mahaguru ini, kalau dia nak test (**uji**) murid dia, dia tidak kira masa. Kita sedang tidur pun kena bangun atau macam mana. Saya kadang-kadang selepas sahaja sembahyang, dalam pakaian sembahyang itu pun dah dibelasah dah, sebab cikgu suruh buat begitu. Saya adalah murid dia yang paling rapat dengan dia, dengan cikgu Awang Daud.

Umar: Lupa nak tanya, maknanya dengan cikgu Abdul Majid dan cikgu Ahmad Daud itu di gelanggang mana Tok Ayah Lah belajar?

EN. Abdullah: Di gelanggang Gurun, Kedah.

Umar: Ha Gurun. Ketika mempelajari ilmu persilatan, apa yang Tok Ayah Lah rasa paling susah, mungkin senjata ke, tangan kosong?

EN. Abdullah: Semua susah, sebelum kita dapat apa ini menguasai, semua itu susah. Bila kita sudah menguasai semua itu, tiada la yang susahnyanya.

Umar: Bagaimana pula dengan anak-anak Encik, adakah Tok Ayah Lah juga menggalakkan mereka belajar silat?

EN. Abdullah: Semua anak-anak yang lelaki saya galakkan belajar ilmu persilatan ini dan sekarang ini anak-anak lelaki saya lah yang meneruskan perjuangan saya itu, mana saya sudah tidak larat dah sekarang ini, jadi anak-anak saya yang lelaki itu masih lagi mengajar lah pada hari-hari minggu disekolah-sekolah di jajahan Tanah Merah ini.

Umar: Bermakna sekarang ini Tok Ayah Lah sudah tidak mengajar silat?

EN. Abdullah: Saya setakat pergi melawat sahaja, melainkan ada timbul beberapa masalah saya terpaksa pergi untuk menyelesaikan masalah itu.

Umar: Mengenai pantang larang, adakah pantang larang yang ada dalam Gayong?

EN. Abdullah: Didalam Gayong dan silat-silat yang saya pelajari, apa saja yang islam larang itulah larangan silat.

Umar: Maknanya tiada pantang larang yang khusus?

EN. Abdullah: Ya, tiada pantang larang khusus.

Umar: Kecederaan yang paling teruk Tok Ayah Lah pernah alami?

EN. Abdullah: Yang saya pernah alami, tercabut bahu selama lebih kurang dua [2] tahun.

Umar: Sebab apa boleh tercabut bahu?

EN. Abdullah: Sebab buah-buah Gayong ni rumit dan bahaya, jadi silap sikit terkena. Sebab itu guru saya berpesan supaya kita tidak riak dan takabur, bila kita riak dan takabur tuhan balas serta merta.

Umar: Bermakna Tok Ayah Lah mendapat kecederaan itu semasa latihan?

EN. Abdullah: Ya, masa latihan, dan kebetulan masa itu Pak Andak masih ada, saya pergi jumpa dia dan dia masukkan, Alhamdulillah tuhan izinkan saya sembuh.

Umar: Maknanya Pak Andak itu?

EN. Abdullah: Pak Andak itu seorang tua dalam persilatan Gayong.

Umar: Di Kelantan?

EN. Abdullah: Di negeri Kedah.

Umar: Bilakah Tok Ayah Lah mula mengajar silat selepas tamat pengajian?

EN. Abdullah: Selepas saja saya keluar maktab pada tahun 1975, saya terus membuka gelanggang pertama saya di Padang Tengku, Kuala Lipis Pahang.

Umar: Maknanya pada umur?

EN. Abdullah: Pada umur dua puluh satu [21] tahun.

Umar: Jadi betulkah Tok Ayah Lah menjadi ketua jurulatih Pahang?

EN. Abdullah: Ya, selepas saya membuka gelanggang tu, memandangkan di Pahang masa itu tidak ada orang lain untuk menjadi ketua gurulatih, maka saya dilantik oleh Gayong Pusat di Kuala Lumpur sebagai pengerusi gurulatih Negeri Pahang.

Umar: Gelanggang-gelanggang yang pernah Tok Ayah Lah mengajar di Pahang?

EN. Abdullah: Di Pahang gelanggang pertama, Padang Tengku, kemudian Kuala Lipis, lepas itu Sekolah Kebangsaan Damak, Aahh, tiga tempat itu lah.

Umar: Itu di Negeri Pahang, makna gelanggang yang pernah Tok Ayah Lah mengajar di seluruh Malaysia ini?

EN. Abdullah: Di seluruh Malaysia ini, semua gelanggang di jajahan Tanah Merah, dan gelanggang di jajahan lain itu saya hanya pergi melawat untuk memberi semangat kepada ahli-ahli kita, budak-budak kita masa itu.

Umar: Maknanya kalau di jajahan Tanah Merah, berapa agak-agak jumlah gelanggang yang ada?

EN. Abdullah: Gelanggang yang ada sekarang ini boleh dikatakan semua sekolah menengah di kawasan Tanah Merah ada gelanggang Gayong, kemudian yang kita baru

tubuh Sekolah Sains Jeli da nada lagi yang sedang buat permohonan pada kita untuk mintak kita buka, kerana kita kekurangan jurulatih saya tidak sempat untuk tunaikannya. Kebetulananya, anak-anak Gayong di Kelantan ini, bila sahaja keluar keputusan peperiksaan kebanyakannya cemerlang, bila cemerlang mereka akan pergi melanjutkan pelajaran keluar daripada Kelantan, maka disana pun kebanyakannya diminta untuk membantu gelanggang-gelanggang tempatan, jadi ramailah murid-murid Gayong daripada Tanah Merah ini yang tolong mengajar di kawasan Kuala Lumpur, dan Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor mengikut apa yang diberitahu kepada saya.

Umar: Untuk sesebuah gelanggang baru untuk dibuka, gurulatih dipilih oleh Tok Ayah Lah atau gurulatih itu membuat permohonan untuk membuka gelanggang?

EN. Abdullah: Gurulatih yang terlantik itu memang layak untuk membuka gelanggang, jadi bila dia pergi untuk membuat pemerhatian, dan mereka akan datang untuk berjumpa dengan saya untuk meminta keizinan, lepas itu kita akan membuka gelanggang dengan upacara memandikan tapak mereka sebagaimana adat Gayong.

Umar: Anggaran Tok Ayah Lah tentang anak-anak Gayong yang berada di Tanah Merah ini?

EN. Abdullah: Di Tanah Merah ini, kalau mengikut daripada tahun yang kita mula-mula buka pada tahun lapan puluh satu [1981] kalau hendak dikira sudah lebih dari beribu-ribu

orang, ada daripada orang biasa, ada yang menjawat jawatan, ada yang Dato' dan macam-macam lagi.

Umar: Tok Ayah Lah tidak pernah memasuki apa-apa pertandingan kan? Bagaimana pula dengan anak-anak didik Tok Ayah Lah memasuki apa-apa pertandingan?

EN. Abdullah: Anak-anak didik Gayong di Tanah Merah, ada yang pernah menjuarai johan peringkat Malaysia dan johan peringkat negeri.

Umar: Maknanya pertandingan jenis macam mana itu?

EN. Abdullah: Biasanya kalau sekarang ini, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan menganjurkan silat olahraga, dan ada setengah sudah dapat johan silat olahraga dunia.

Umar: Kalau tanya nama Tok Ayah Lah ingat tak?

EN. Abdullah: Owh.. tak ingat [ketawa]

Umar: Bolehkah Tok Ayah Lah bagitau adakah persamaan diantara menjadi guru sekolah dengan guru silat?

EN. Abdullah: Lain. Boleh dikatakan murid-murid silat menghormati guru dia, walaupun sudah lama kita berpisah kalau jumpa mereka tetap hormat pada guru-guru mereka, lain dari guru sekolah. Murid-murid sekolah ini ada yang bila sudah habis sekolah mencabar guru dia, tak endah guru dia dan macam-macam cerita lagi.

Umar: Mengajar silat atau sekolah lebih mencabar?

EN. Abdullah: Bagi saya kedua-dua mencabar, tapi kerana keadaan sekarang ini disiplin sekolah itu lain dari dahulu jadi kalau kita hendak ambil tindakan keras undang-undang tidak benarkan, jadi kalau mengikut pengalaman saya boleh dikatakan lebih daripada separuh murid-murid saya tahun tujuh puluh an [70] dan lapan puluh an [80] berjaya dalam hidup mereka, dan mereka menjawat jawatan kerajaan dan kalau bekerja sendiri mereka akan Berjaya hingga bergelar jutawan.

Umar: Siapakah anak murid Tok Ayah Lah rasa paling rapat?

EN. Abdullah: Tidak ada yang paling rapat, kerana semuanya rapat yang dulu sampai sekarang, dan kalau hari raya yang cuti balik negeri semua akan berkumpul disini. Jadi apa-apa yang kita tegur itu mereka tidak akan simpan dalam hati.

Umar: Kenangan manis Tok Ayah Lah sebagai gurulatih?

EN. Abdullah: Saya rasa biasa sahaja.

Umar: Jadi tidak ada anak didik Tok Ayah Lah yang menjadi juara apa pertandingan?

EN. Abdullah: Yang itu ada lah, tapi saya rasa biasa sahaja walaupun mereka sudah menjadi wakil Kelantan ke peringkat kebangsaan, wakil Negara ke peringkat antarabangsa saya rasa biasa saja.

Umar: Bagaimana pula dengan pengalaman pahit?

EN. Abdullah: Pengalaman pahit sebagai guru silat itu memang ada [ketawa] bila kita berhijrah ke tempat orang, cabaran-cabaran sedikit sebanyak itu adalah yang kita tempuhi, tapi setakat ini tidak sampai membinasakan saya. Cabaran itu memang adalah, sebab ada orang itu tabiatnya suka mencabar orang, dan ada yang cuba yang hendak tunjuk mereka lebih hebat dari kita, macam-macam cerita lah.

Umar: Jadi bagaimana pula dengan anak murid Tok Ayah Lah, seperti yang dibagitahu tadi suka mencabar orang, apa tindakan Tok Ayah Lah akan ambil?

EN. Abdullah: Setakat ini, kerana kita didik mereka macam itu tidak ada lagi yang mencabar, bila mereka dicabar mereka akan datang bertanyakan kepada saya minta nasihat dan macam-macam. Kalau yang mencabar tidak ada, tapi kebanyakannya setiap cabaran itu mereka boleh atasi.

Umar: Tapi sekiranya ada pada masa hadapan, apa tindakan yang Tok Ayah Lah akan ambil?

EN. Abdullah: Dalam Gayong kita ada jawatankuasa khas disiplin, siapa yang melanggar disiplin kita akan panggil dan jawatankuasa itu akan nasihat.

Umar: Maknanya tiada lah tindakan buang pertubuhan?

EN. Abdullah: Tiada. Bila kita terima dia, dimandikan kita telah iktiraf dia sebagai anak Gayong seumur hidup.

Umar: Maknanya tiada lah istilah buang pertubuhan?

EN. Abdullah: Tiada. Bagi saya istilah tu tiada, sebab tidak berlaku pada murid saya murid yang derhaka itu tidak ada.

Umar: Bagaimana pula semasa Tok Ayah Lah menjadi jurulatih kecederaan anak didik Tok Ayah Lah?

EN. Abdullah: Ya, memang ada Cuma kecederaan kecil, seperti luka-luka kecil, tersalah urat, patah memang adat orang-orang bersilat lah.

Umar: Sebagai guru apa tindakakan Tok Ayah Lah, seperti kecederaan patah tangan?

EN. Abdullah: Kita terpaksa ikhtiarkan supaya masalah itu settle [selesai], ada yang saya ikhtiar sendiri atau rakan-rakan Gayong yang ikhtiarkan.

Umar: Sekarang kita masuk dalam bidang pertubuhan pula, boleh Tok Ayah Lah ceritakan sejarah tertubuhnya Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia ini?

EN. Abdullah: Sejarah penubuhan itu saya tidak pasti, sebab arwah Dato' [Dato' Meor] memberitahu kepada kami masa itu untuk berlatih silat pada zaman orang putih, kita terpaksa sembunyi-sembunyi, kalau kita nak pergi beramai-ramai tak boleh. Misalnya Dato' pernah membuat latihan di dalam hutan di tepi sungai, jadi mereka akan pergi seorang demi seorang, sebab pada masa itu orang putih cukup anti dengan silat-silat melayu daripada memberontak, sebab kebiasaanya orang-orang silat ini dia mempunyai semangat islam yang sejati, mereka tidak akan undur sekiranya mereka merasakan benda itu tidak bersalah di sisi ugama.

Umar: Jadi kalau boleh Tok Ayah Lah ceritakan serba sedikit tentang Dato' Meor, seperti latar belakang?

EN. Abdullah: Saya kalau latar belakang Dato' Meor ini tak tahu sangat sebab saya berlatih di rumah Dato' Meor ini hanya seminggu dua minggu sahaja, kebanyakannya saya pergi tumpukan latihan saya di gelanggang Kedah bersama Cikgu Majid dan Cikgu Awang.

Umar: Mengenai Silat Seni Gayong Kelantan, boleh Tok Ayah Lah ceritakan tentang jawatan Tok Ayah Lah dalam pertubuhan ini?

EN. Abdullah: Dalam Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia, Kelantan saya dilantik sebagai Yang Di-Pertua pertubuhan.

Umar: Pada tarikh berapa?

EN. Abdullah: Dah banyak tahun saya pun sudah lupa tarikh yang sebenar, Cuma setiap kali mesyuarat agong jawatan itu tidak dipertandingkan. Tidak ada siapa yang mencabar sebab memandangkan orang tua dalam Gayong di Kelantan ini sekarang yang masih hidup hanya saya, adik saya sikit Cikgu Ibrahim dan Cikgu Razani, tiga orang ini saja lah yang boleh dikatakan orang lama yang masih bergiat dalam Gayong

Umar: Bagaimana pula dengan ahli jawatankuasa lain dalam Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia?

EN. Abdullah: Sama dengan pertubuhan lain juga, kita lantik setiap daerah ada pengerusi daerah dan jawatankuasanya.

Umar: Kalau untuk yang tertinggi di Kelantan?

EN. Abdullah: Yang tertinggi di Kelantan ini Yang Di-Pertua lah.

Umar: Maknanya tidak ada orang kanan?

EN. Abdullah: Yang Di-Pertua, Timbalan Yang Di-Pertua, bendahari dan jurulatih-jurulatih biasa.

Umar: Tok Ayah Lah mengambil jawatan Yang Di-Pertua daripada siapa?

EN. Abdullah: Sebenarnya jawatan Yang Di-Pertua ini dipangku oleh arwah Cikgu Mansur B. Osman yang dikenali sebagai Tok Ayah Sur, tetapi selepas dia uzur menghidap penyakit kencing manis dan kakinya terpaksa dipotong maka disitu lah saya mula-mula mengambil alih jawatan.

Umar: Untuk mendapatkan jawatan Yang Di-Petua ini diadakan system undian atau bagaimana?

EN. Abdullah: Ya, kita buat mesyuarat agung, dan dalam mesyuarat itulah dilantik.

Umar: Tugas-tugas sebagai Yang Di-Pertua?

EN. Abdullah: Banyak. Kita terpaksa mengambil tahu semua pergerakan gelanggang-gelanggang Silat Seni Gayong di Kelantan, dan pergerakan Gayong Pusat.

Umar: Selain itu tidak ada tugas lain?

EN. Abdullah: Tugas-tugas lain tidak ada, tugas kita hanya berkaitan dengan silat sahaja lah.

Umar: Tok Ayah Lah ada memegang jawatan dalam Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia peringkat kebangsaan?

EN. Abdullah: Setakat ini saya hanya seorang Ahli Jawatan Kuasa (AJK) biasa sahaja di peringkat kebangsaan sebab saya sudah tidak mampu lagi untuk menjawat jawatan yang lebih tinggi.

Umar: Biasanya bilakah Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia Kelantan membuat mesyuarat?

EN. Abdullah: Setiap tahun kita membuat mesyuarat agung, dan kita berbincang lah mengenai tempat dimana yang kita hendak buat dan kita buat penganugerahan sandang dan membuka gelanggang-gelanggang baru.

Umar: Bagaimana untuk penganugerahan sandang?

EN. Abdullah: Penganugerah sandang kita kira tahap, siapa yang layak menerima Sandang Imam Khalifah, Pembantu Imam Khalifah, jurulatih, ketua jurulatih itu kita tengok tahap dia dan pihak jawatan kuasa tertinggi menilai adakah seseorang itu layak memegang sandang-sandang yang dikeluarkan.

Umar: Apa ciri-ciri yang perlu ada untuk mendapat sandang seperti contoh Sandang Imam Khalifah?

EN. Abdullah: Ciri-ciri dia pertama seklai ilmu perlulah ada, kemudia sahsiah kita hendak semua jurulatih terdiri daripada orang-orang yang berintegriti, kita tidak mahu jurulatih-jurulatih kita ada perangai-perangai yang negetif .

Umar: Siapakah yang akan menganugerahkan sandang?

EN. Abdullah: Biasanya kita buat malam penganugerahan sandang, kita akan jemput Cikgu Sazali anak kepada Dato' Meor B. Abdul Rahman B. Daeng Uda Hasyim datang untuk menyampaikannya bersama-sama dengan Yang Di-Pertua Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia, iaitu Dato' Adiwijaya dan jawatankuasa nya.

Umar: Sebagai Yang Di-Pertua apa pencapaian yang paling tinggi Gayong Kelantan pernah dapat?

EN. Abdullah: Setakat ini, kita telah berjaya bersama-sama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), membuat keputusan untuk mengadakan diploma persilatan Seni Gayong. Jadi kita telah bersetuju memberi diploma kepada mereka-mereka yang layak dan diploma itu telah dipersetujui oleh kerajaan setaraf dengan diploma yang lain, dan bagi kita sekarang ini Polis Kelantan telah mengaggap dan melantik Pertubuhan Silat Seni Gayong Kelantan sebagai anak angkatnya, dan bagi anak-anak Gayong yang berminat jawatan polis mereka akan diberi keutamaan lah, mengikut janji-janji Ketua Polis Kelantan.

Umar: Bila agaknya diploma Gayong akan dimulakan?

EN. Abdullah: Diploma itu sudah bermula pada tahun ini, tapi tidak tamat lagi baru bermula.

Umar: Maknanya pelajar-pelajar diploma Gayong ini akan pergi ke kelas dan belajar?

EN. Abdullah: Ya, belajar dari segi teori dan praktikal sekali.

Umar: Di mana?

EN. Abdullah: Kita sudah ada institut latihan Gayong di Kok Lanas, dan perkara ini telah diuruskan oleh MZ, Pengurus akedemi Gayong.

Umar: Cabaran yang paling besar sebagai Yang Di-Pertua?

EN. Abdullah: Setakat ini tidak ada cabaran apa-apa. Sejak saya mennerima jawatan sebagai Yang Di-Pertua kita tidak pernah mendapat apa-apa cabaran, malah mahaguru-mahaguru silat lain telah berjumpa dengan saya dan jawatankuasa saya, meminta kami membentuk badan silat yang menggabungkan semua silat-silat Gayong di negeri Kelantan, jadi setakat itu mahaguru-mahaguru silat Gayong lain di Kelantan ini menunggu lampu hijau daripada saya, untuk menubuhkan itu tapi mereka menyuarakan yang mereka tidak sempat kerana masing-masing sibuk dengan tugas masing-masing, jadi saya pun terpaksa berdiam diri dulu lah.

Umar: Adakah tip-tip untuk Berjaya dalam persilatan ini?

EN. Abdullah: Yang pertama sekali, kita mesti sabar dan tabah, serta mempunyai kehendak yang kuat. Kita tdiak boleh belajar acuh tak acuh, sambil lewa begitu tidak boleh, kita mesti berusaha betul-betul, dan kalau kita tidak sabar kita tidak akan berjaya. Kesabaran membuatkan kita berjaya, bayangkanlah daripada saya mula-mula belajar, dimandikan oleh arwah Dato', masa itu kami seratus lima puluh [150] orang, yang akhirnya mendapat tali pinggang hitam adalah hanya dua [2] orang, saya dan arwah Cikgu Haji Mansur Osman, mantan Yang Di-Pertua kita. Dari seratus lima puluh [150] orang tinggal kami berdua sahaja [ketawa]

Umar: Bagaimana pula untuk menjadi seorang jurulatih dalam silat Gayong ini ada ujian apa-apa?

EN. Abdullah: Kita pada mula-mula sekali pembantu jurulatih kita lantik daripada pemegang-pemegang tali pinggang hijau, lepas itu kita akan uji dia, bila dapat tali pinggang merah baru dipanggil jurulatih, dan apabila menjawat atau memegang tali pinggang kuning barulah kita iktiraf sebagai jurulatih.

Umar: Maksudnya hijau pembantu jurulatih

EN. Abdullah: Hijau pembantu jurulatih, merah jurulatih, kuning keatas jurulatih.

Umar: Apa beza jurulatih dan gurulatih?

EN. Abdullah: Gurulatih lebih tinggi dari jurulatih.

Umar: Jadi jurulatih ini boleh memberi buah?

EN. Abdullah: Ya, memang kita dah ajar buah itu mengikut silibus dia, silibus putih sekian-sekian, buah hijau sekian-sekian, merah sekian-sekian, untuk menjadi gurulatih itu tali pinggang kuning keatas hingga ke hitam.

Umar: Bagaimana pula dengan kanak-kanak yang mahu mempelajari silat?

EN. Abdullah: Kita terima murid daripada sekolah rendah hingga ke pusat pengajian tinggi.

Umar: Biasanya umur untuk kanak-kanak ini berapa?

EN. Abdullah: Umur tujuh [7] tahun, tapi ada yang umur lima [5] tahun pun ada, mengikut kebenaran ibu bapa.

Umar: Untuk kanak-kanak dia ada silibus lain?

EN. Abdullah: Sama sahaja, silibus sama sahaja, Cuma cara yang kita buat itu tidak laa keras sebagaimana orang dewasa.

Umar: Dalam silat Gayong ini apa senjata-senjata yang digunakan?

EN. Abdullah: Mula-mula sekali kita belajar senjata ialah pisau satu [1], kemudian pisau dua [2], kemudian pisau tiga [3], kemudian pisau empat [4], pisau empat [4] bermakna setiap pasangan dua pisau setiap seorang, jadi disitu kita ajarlah buah-buah dia. Lepas itu keris macam itu juga, lepas itu pedang lepas pedang lembing, lepas lembing rantai, dan kesudahan cindai. Cindai itu kain lah, kain lepas.

Umar: Jadi dalam Gayong senjata yang tertinggi adalah cindai?

EN. Abdullah: Ya, cindai lah yang tertinggi. Biasanya mereka yang memiliki tali pinggang hitam baru kita ajar cindai.

Umar: Cindai mempunyai dua [2] pecahan, cindai jantan dan betina, jadi boleh Tok Ayah Lah ceritakan?

EN. Abdullah: Dia tak banyak, ilmu cindai ini ilmu yang orang tidak guna pergerakan yang banyak, bila kita memegang tali pinggang hitam, kita dah agak tua jadi tak perlu tenanga banyak lah, kita pukul sekali kena sekali sudah itu saja.

RAKAMAN 2

Umar: Apa pendapat atau pandangan Tok Ayah Lah tentang dunia silat sekarang ini, adakah semakin berkembang?

EN. Abdullah: Mengikut pendapat saya, keseluruhan silat-silat di Malaysia ini berkembang dengan pesatnya sebagai bukti pada tahun 1970 an, di Kelantan ini Cuma yang berkembang dengan silat Gayong ini hanya di jajahan Kota Bharu dan Pasir Putih. Tapi sekarang boleh dikatakan setiap jajahan silat kita telah berkembang, dan boleh dikatakan kalau di Tanah Merah, setiap buah sekolah menengah telah ditubuhkan Persatuan Silat Seni Gayong Malaysia. Jadi memandangkan perkembangan yang begitu pesat, maka saya berpendapat sambutan yang diberikan begiu membanggakan.

Umar: Ok. Soalan seterusnya dalam persilatan Gayong ada ke tidak ilmu kebatinan?

EN. Abdullah: Dalam persilatan Gayong ada sedikit sebanyak ilmu kebatinan, sebab diwaktu saya belajar dulu kita terpaksa mengamalkan sedikit sebanyak ayat-ayat dan jampi serapah, jadi pada masa itulah kita, membuat atau mempelajari ilmu-ilmu yang berjalan di atas kaca, membengkok besi panas dengan leher dan gigi, terjun diatas kaca, mandi minyak yang sedang menggelegak, menetak anggota kita dengan senjata-senjata tajam. Jadi ini kita perlukan sedikit amalan kebatinan, dan semasa itulah orang-orang non-muslim agak gerun juga pada pertubuhan kita, contohnya pada peristiwa tiga belas [13] Mei pada tahun 1969, jadi ramai –ahli-ahli Gayong kita telah bersatu menentang orang-orang non-muslim yang cuba berbuat zalim pada orang-orang Melayu khususnya di Kuala Lumpur.

Umar: Jadi apa pendapat Tok Ayah Lah tentang sesetengah masyarakat Melayu bila sahaja disebut dengan amalan kebatinan, mereka akan kaitkan dengan amalan khurafat?

EN. Abdullah: [ketawa] itu sebenarnya pendapat orang-orang yang tidak berapa mendalami ilmu-ilmu islam, sebab di dalam islam, dalam Al-Quran sendiri ulama'-ulama' kita telah memberitahu dan mengajar kita bahawanya setiap huruf, setiap perkataan, dan setiap ayat Al-Quran, ada mempunyai fadhilat, hikmat, rahmat, jadi sekiranya tuhan kurniakan kepada kita setiap amalan kita itu dapat fadhilat dia berkat dia, hikmat dia, rahmat dia, Alhamdulillah amalan kita akan sehati dengan kita dan dapat melindungi kita

dengan izin Allah dari sebarang musuh. Misalnya kalau kita tengok pada zaman Rasulullah semasa isra' dan mikraj, bagaimana Jibrail mengajarkan kepada baginda bagaimana untuk menghancurkan jin Ifrit yang mengekori nya, bila Jibrail mengajar ayat-ayat ataupun kalimat-kalimat yang hebat itu, maka tersungkurlah Ifrit laknatullah itu dengan serta merta. Jadi bagi orang-orang yang tidak mengetahui sejarah islam dan tidak mendalami islam mereka senang ataupun sering menuduh sesiapa sahaja yang mengamalkan ilmu kebatinan ini adalah orang-orang sesat.

Umar: Seterusnya, pendapat Tok Ayah Lah tentang pemuda-pemudi ataupun masyarakat melayu yang lebih mementingkan ilmu mempertahankan diri asing seperti Tae Kwan Do, Muay Thai daripada silat itu sendiri?

EN. Abdullah: Sebenarnya dalam mempelajari ilmu mempertahankan diri ini kita boleh saja mempelajari apa-apa ilmu, kerana Rasulullah mengajarkan kepada kita dan mengalakan umat-umat islam mempelajari seni mempertahankan diri tidak kira berbentuk apa sekalipun. Jadi kita diharuskan mempelajari ilmu-ilmu mempertahankan diri bangsa-bangsa asing ataupun bangsa Melayu. Yang Rasulullah anjurkan, semua pemuda-pemudi islam hendaklah ataupun digalakkan mempelajri ilmu mempertahankan diri demi memartabatkan islam, nusa, bangsa dan Negara.

Umar: Jadi tidak semestinya silat sahaja?

EN. Abdullah: Ya. Tidak semestinya silat sahaja, tapi bagi kita orang-orang Melayu sepatutnya kita lebih mengagungkan budaya bangsa kita sendiri.

Umar: Untuk soalan seterusnya, adakah Tok Ayah Lah rasa sesuai silat ini diajarkan kepada orang yang bukan islam.

EN. Abdullah: Bagi silat Gayong, kita pantang. Adalah menjadi pantang-larang kita untuk mengajarkan ilmu persilatan ini kepad orang yang bukan islam. Arwah Dato' Meor Abdul Rahman B. Daeng Uda Hashim, telah memberitahu kepada saya, supaya jangan sekali-kali kita mengajarkan ilmu Gayong ini kepada orang yang bukan islam, kerana orang-orang yang bukan islam tetap musuh kita. Jadi sekiranya kita mengajarkan ilmu kita kepada mereka mungkin mereka akan menggunakan ilmu kita itu untuk melawan kita kembali.

Umar: Cadangan Tok Ayah Lah bagi memperluaskan lagi silat ini?

EN. Abdullah: Sekarang ini kami Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia bahagian negeri Kelantan sedang giat memperkembangkan pelajaran ini, disetiap sekolah di negeri Kelantan dan kita telah membahagikan tugas masing-masing mengikut daerah. Jadi di setiap daerah ada gurulatih kanan yang akan memperkembangkannya, misalnya di Tanah Merah ini saya sendiri, di kawasan Kota Bharu Cikgu Ibrahim Yasok, di kawasan Kuala

Krai Cikgu Razani, di kawasan Pasir Mas Cikgu Wan Abdul Halim. Jadi kita telah bermuafakat sesama sendiri dengan semangat yang satu iaitu untuk memperkembangkan silat ini kepada setiap orang islam yang berminat untuk mempelajarinya.

Umar: Untuk soalan yang terakhir, nasihat Tok Ayah Lah kepada anak Gayong di Seluruh Malaysia?

EN. Abdullah: Sekarang saya sering menasihatkan kepada setiap anak-anak Gayong supaya tidak melampaui batas, dan mengamalkan setiap apa yang diajarkan oleh Rasulullah S.A.W, dan jangan sekali-kali melakukan perkara yang dilarang oleh Rasulullah S.A.W dan yang ditegah oleh Allah S.W.T dan saya sendiri telah memperingatkan kepada orang-orang Gayong dan anak-anak Gayong sekalian supaya kita menjadi orang yang berdisiplin dan berintegriti. Oleh sebab itulah sekarang ini ramai masyarakat yang menyanjung dan menghormati anak-anak Gayong, sebagai contohnya semasa anak-anak Gayong meminta ataupun memohon satu pekerjaan apa yang diminta oleh penemuduga ialah dia nak tengok sijil silat dan meminta anak-anak Gayong menunjukkan sedikit pergerakan silat, dan Alhamdulillah setakat ini kebanyakannya anak-anak silat kita telah menjawat jawatan kerajaan yang dipohon. Kadang-kadang sampai terpaksa pilih yang mana satu jawatan yang hendak dipilih. Kalau dibandingkan dengan anak-anak muda lain itu untuk mendapatkan kerja itu terlalu ramai. Tetapi kerana disiplin yang kita latih kepada anak-anak Gayong, boleh dikatakan jarang anak-anak Gayong kecundang didalam temuduga itu samada untuk melanjutkan pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi ataupun untuk menjawat jawatan dalam kerajaan, dan boleh

dikatakan di peringkat Malaysia ini, anak-anak Gayong ramai yang menerajui pimpinan-pimpinan Negara contohnya Dato' Seri PM [Perdana Menteri] kita sendiri adalah anak Gayong dan arwah bapanya sendiri merupakan orang yang kuat dalam Gayong, dan Dato' Mohd Hassan juga adalah orang yang juat dalam Gayong. Boleh dikatakan orang-orang Gayong ini telah berkecimpung dalam pentadbiran Negara sejak zaman enam puluh [60] an lagi sehinggalah sekarang.

Umar: Jadi tamatlah. Terima kasih kepada Tok Ayah Lah kerana sudi menjadi tokoh kami.

EN. Abdullah: Sama-sama

LAMPIRAN

Log Wawancara

0.00-8.29	<p>Rakaman 1</p> <p>LATARBELAKANG DAN BIODATA</p> <p>Tarikh lahir beliau</p> <p>Bilangan adik beradik</p> <p>Pekerjaan ibu bapa</p> <p>Taraf perkahwinan</p> <p>Bilangan anak-anak</p>	<p>Wan Abdullah B. Hamzah</p> <p>Kg Gaung, Beta Hilir, Kota Bharu, Kelantan</p> <p>5 Januari 1954</p> <p>Pesara guru</p>
8.30-25.29	<p>LATARBELAKANG SILAT</p> <p>Orang yang memandikan tapak beliau</p> <p>Tarikh beliau dimandikan tapak</p> <p>Gelanggang pertama beliau</p> <p>Menjadi jurulatih di Pahang</p> <p>Pendorong untuk bersilat</p> <p>Silat-silat yang dipelajari</p> <p>Sebab memilih Silat Gayong</p> <p>Sebab memilih silat berbanding seni mempertahankan diri lain</p> <p>Masa yang di ambil untuk belajar silat.</p> <p>Guru-guru beliau</p>	<p>Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia dan Serantau</p> <p>Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim</p> <p>Pengerusi jurulatih silat negeri Pahang</p> <p>Silat Seru @ Mufardiah</p> <p>Arwah Dato' Meor Rahman B. Uda Hashim</p> <p>Air Kuning, Taiping</p> <p>Dato' Abdul Majid</p> <p>Cikgu Awang Daud</p>

25.30-25.42	<p>BIDANG KEJURULATIHAN</p> <p>Bila mula mengajar</p> <p>Menjadi ketuajurulatih di Pahang</p> <p>Menjadi gurulatih di semua gelanggang jajahan Tanah Merah</p> <p>Anak-didik berjaya dalam kejohanan di peringkat Negeri dan Negara</p> <p>Kenangan pahit dan manis</p>	<p>Gelanggang Padang Tengku</p> <p>Jawatan kuasa khas disiplin</p>
36.42-53.08	<p>SEBAGAI YDP GAYONG KELANTAN</p> <p>YDP Pertubuhan</p> <p>Jawatan YDP tidak dipertandingkan dalam mesyuarat</p> <p>Perlu mengambil tahu pergerakan silat</p> <p>AJK di peringkat</p>	<p>Cikgu Ibrahim</p> <p>Arwah Cikgu Mansur B. Othman</p> <p>Sandang Imam Khalifah</p>

	<p>Kebangsaan</p> <p>Mesyuarat agung setiap tahun</p>	
0.00 – 12.32	<p>Rakaman 2</p> <p>PENDAPAT BELIAU</p> <p>Silat berkembang dengan pesat</p> <p>Setiap sekolah menengah</p> <p>Ilmu kebatinan</p> <p>Ilmu islam</p>	<p>Gayong</p> <p>Kota Bharu</p> <p>Pasir Putih</p>

Kronologi

Tarikh	Lokasi	Masa	Catatan
1/4/2015	UiTM Machang	10.00 pagi	Pensyarah Puan Nurul Annisa memberi tugas untuk memilih tokoh dan membuat temubual bersama tokoh yang dipilih.
3/4/2015	UiTM Machang	9.00 malam	Memilih tiga orang calon tokoh EN Abdullah B. Hamzah, Syeikh Kyaider Syamzarey dan Shahrul Azwari untuk dihantar kepada pensyarah untuk membuat pilihan.
4/4/2015	UiTM Machang	11.00 pagi	Pensyarah memilih EN Wan Abdullah B. Hamzah, iaitu Yang Di-Pertua Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia Kelantan untuk ditemuramah.
8/4/2015	UiTM Machang	10.00 pagi	Mengumpul bahan-bahan berkaitan tokoh untuk pembentangan kepada pensyarah dan pensyarah meluluskan tokoh yang dipilih.
20/4/2015	UiTM Machang	1.00 petang	Menghubungi En. Wan Abdullah B. Wan Hamzah untuk membuat temujanji untuk proses temubual dan temujanji dibuat pada tarikh 5/6/2015

			bertempat di rumah beliau di Kusial Baru, Tanah Merah, Kelantan.
5/6/2015	Kusial Baru, Tanah Merah	11.00 pagi	Saya Umar Azri B. Lukman bersama rakan sekumpulan Mohd Amin B. Idrus sampai ke rumah En. Wan Abdullah Bin Hamzah tepat pukul 11 pagi.
		11.35 pagi	Temubual saya bersama En. Wan Abdullah Bin Hamzah dimulakan di ruang tamu rumah beliau.
		12.45 t/hari	Temubual kami tamat, dan En Wan Abdullah menumpuk kami untuk menjamu selera.
		1.10 petang	Saya dan rakan sekumpulan beredar dari rumah tokoh.

Senarai Soalan

- 1) Nama penuh En?
- 2) Umur berapa?
- 3) Tarikh lahir?
- 4) Asal dari mana?
- 5) Berapa orang adik beradik?
- 6) Anak keberapa?
- 7) Pekerjaan ayah dan ibu En?
- 8) Nama isteri?
- 9) Bila berkahwin?
- 10) Bilangan anak?
- 11) Bilangan cucu?
- 12) Maklumat tentang latar belakang pendidikan? (Sekolah rendah, sekolah menengah, universiti)
- 13) Sekarang bekerja sebagai apa?
- 14) Berapa tahun bekerja?
- 15) Bekerja dimana?
- 16) Bila pencen?
- 17) Hobi dimasa lapang?
- 18) Bilakah En mula mempelajari ilmu persilatan?
- 19) Dimana tempat En belajar silat?
- 20) Pada umur berapa?
- 21) Siapakah yang mendorong En untuk bersilat?

- 22) Adakah keluarga En juga berlatar belakang silat?
- 23) Jika ya, adakah keluarga En juga mempelajari sila Gayong?
- 24) Silat apakah yang En pelajari?
- 25) Mengapa En memilih silat Gayong untuk dipelajari?
- 26) Selain Silat Gayong, adakah En juga mempelajari silat lain atau seni mempertahankan diri lain?
- 27) Berapa lamakah masa En ambil untuk tamat mempelajari ilmu persilatan?
- 28) Siapakah guru-guru En semasa belajar?
- 29) Bagaimana pengalaman berguru bersama Allahyarham Dato' Meor?
- 30) Adakah En rakan seperguruan dengan Dato' Abdul Majid (Pusaka Gayong) dan Cikgu Awang Daud (ADMA)?
- 31) Jika ya, boleh kongsi kan pengalaman bersama dengan dua orang tokoh silat tersebut?
- 32) Boleh En ceritakan tentang bengkung-bengkung yang telah En terima?
- 33) Pernahkah En memasuki apa-apa pertandingan silat?
- 34) Jika pernah bila? Pertandingan apa?
- 35) Pertunjukan untuk majlis-majlis besar?
- 36) Pengalaman manis ketika mempelajari ilmu persilatan?
- 37) Pengalaman pahit ketika mempelajari ilmu persilatan?
- 38) Ketika mempelajari ilmu persilatan, apa yang En rasa paling susah? (Senjata, tangan kosong)
- 39) Adakah En juga menggalakkan anak-anak En mempelajari silat?
- 40) Adakah pantang larang dalam mempelajari Silat Gayong?

- 41) Sepanjang bersilat kecederaan paling teruk yang En pernah alami?
- 42) Apakah rahsia En untuk mahir dalam ilmu persilatan?
- 43) Bilakah En mula mengajar silat?
- 44) Pada umur berapa?
- 45) Ketika menjadi ketua jurulatih Pahang, umur En berapa?
- 46) Gelanggang yang En pernah mengajar silat?
- 47) Angaran anak didik En?
- 48) Pernahkah anak didik En memasuki apa-apa pertandingan silat dibawah kendalian En?
- 49) Pada pendapat En, adakah persamaan diantara guru sekolah dengan guru silat?
- 50) Mana yang lebih mencabar? Mengajar silat atau sekolah?
- 51) Pengalaman manis ketika menjadi gurulatih?
- 52) Pengalaman pahit ketika menjadi gurulatih?
- 53) Bilakah En dilantik menjadi Yang Di-Pertua Pertubuhan Silat Seni Gayong Kelantan?
- 54) Pada umur berapa?
- 55) En mengambil alih pimpinan dari siapa?
- 56) Boleh En ceritakan serba sedikit tugas Yang Di-Pertua Silat Seni Gayong Kelantan?
- 57) Adakah En juga mempunyai jawatan dalam Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia?
- 58) Jika ya, apakah jawatan itu? Tugas?
- 59) Untuk menjadi YDP, apakah syarat-syarat?

- 60) Pencapaian tertinggi En sebagai YDP?
- 61) Cabaran paling besar En lalui semasa mula-mula memegang jawatan?
- 62) Adakah acara tahunan atau bulanan yang dianjurkan oleh Pertubuhan Silat Seni Gayong Kelantan?
- 63) Pandangan En tentang pemuda pemudi masa kini yang lebih cenderung untuk mempelajari seni mempertahankan diri asing?
- 64) Nasihat En kepada pemuda pemudi yang berminat untuk menyertai silat.
- 65) Boleh En ceritakan tentang sejarah tertubuhnya Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia?
- 66) Boleh En beritahu jawatankuasa Pertubuhan Silat Seni Gayong Kelantan.
- 67) Tugas-tugas ahli tertinggi tersebut?
- 68) Anggaran gelanggan silat yang wujud di Kelantan?
- 69) Anggaran anak gayong yang berada di Kelantan?
- 70) Nasihat untuk pemuda pemudi yang mempunyai ilmu persilatan.
- 71) Tips untuk Berjaya dalam seni persilatan?
- 72) Bagaimana untuk menjadi seorang gurulatih dalam Silat Gayong? Ada ujian?
- 73) Boleh En ceritakan senjata yang digunakan semasa mempelajari silat gayong?
- 74) Pada umur berapakah untuk kanak-kanak boleh mula mempelajari silat gayong?

RAKAMAN 2:

- 1) Apa pendapat atau pandangan Tok Ayah Lah tentang dunia silat sekarang ini, adakah semakin berkembang?
- 2) Dalam persilatan Gayong ada ke tidak ilmu kebatinan?
- 3) Cadangan Tok Ayah Lah bagi memperluaskan lagi silat ini?

- 4) Pendapat Tok Ayah Lah tentang pemuda-pemudi ataupun masyarakat melayu yang lebih mementingkan ilmu mempertahankan diri asing seperti Tae Kwan Do, Muay Thai daripada silat itu sendiri?
- 5) Adakah Tok Ayah Lah rasa sesuai silat ini diajarkan kepada orang yang bukan islam.
- 6) Nasihat Tok Ayah Lah kepada anak Gayong di Seluruh Malaysia?



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan WAW : ABDULLAH HADZAH Pada 5/6/2015

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada sernua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat:**

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh). Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah (Tokoh)

Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kelantan.

INDEK**A**

Awang Daud 9,10,21,38

Anak Gayong 16,18,20,24,30,31

Anugerah 6,23,24

Al-Quran 7,29

B

Bengkung 11,38

Belajar 4,5,6,7,9,10

Bersilat 6,20

Balik 5,18

Baru 16,17,23,24

C

Calit 11

Cababengkungran 19,25

Cawangan 20,27

Cikgu Mansor 6

Cikgu 6,8,9,10,21

D

Dato' Meor 20,21,24,30

Daeng 6,24,30

Damak 4,5,16

Dato' 7,20,21,24,30

E**F**

Fadhilat 29

G

Gayong 6,7,8,9,30,31

Gaung 1

H

Harapan 19

I

Islam 30

J

Jerantut 4

Jepun 14

K

Kelantan 38,39

Kampung 1,6

Kebatinan 7,28,29

L

Lama 8,13,13,14

Lembaga disiplin 19,31

M

Maktab 8,15

Masyhur 38,39

N

Nasihat 30,31,39

O

Orang 37,38,39

P

Pengalaman 18,19,38

Peristiwa 28

R

Rahsia 38

S

Sekolah 3,4,5,11

Senjata 7,8,13,27

T

Tanah Merah 3,4,14,16

U

Ujian 26,39

W

Wakil 12,19

Y

Yang Di-Pertua 21,23,24,25,26

Z

Zaman 20,29,31